

# Bersedia untuk pastikan kejayaan

**BOLEHLAH** difahami betapa hampunya hati pegawai-pegawai Kerajaan yang mengemukakan dengan penuh yakin sesuatu program pembangunan tetapi kemudian mendapati program tersebut bukan saja tidak dapat diterima oleh rakyat malah menjadi isu yang menimbulkan kegelisahan. Tidak dapat dinafikan setiap pegawai yang diberi tanggungjawab dan kepercayaan menyediakan sesuatu program mempunyai satu saja matlamat yang bulat, iaitu supaya program tersebut berjaya meningkatkan kemajuan golongan yang menjadi sasarannya. Dapat juga dibayangkan betapa pegawai berkenaan menimba kembali segala pengetahuan yang ada padanya, memikirkannya semasak-masaknya dan menggunakan kepintaran fikirannya untuk memastikan tiada suatu pun yang longgar dalam hasil terakhirnya.

Tetapi kerap kali rancangan tersebut difikirkan di peringkat atas saja, dan kemudian diturunkan ke peringkat bawah untuk dilaksanakan tanpa memikirkan apakah pelaksana-pelaksana itu benar-benar memahaminya dan apakah pula ranjau-ranjau yang mesti mereka tempuh dalam melaksanakannya. Kerana itu, seperti kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad, kekurangan sambutan rakyat terhadap setengah program Kerajaan adalah disebabkan program itu tidak dirancang dengan cermat dan diterangkan sejelas-jelasnya maksud dan cara pelaksanaannya. Walaupun beliau tidak menyebut mana-mana program tertentu, kesimpulan boleh dibuat bahawa satu daripada yang dimaksudkannya ialah skim subsidi harga padi baru-baru ini.

Kerana itu menjelang pelaksanaan Rancangan Malaysia Keempat ini amat wajarlah proses menguruskan pembangunan seperti yang diikuti masa lalu disesuaikan dengan kenyataan hari ini. Untuk mengelakkan penolakan rakyat terhadap sesuatu program, Dr Mahathir mengesyorkan supaya para pentadbir Kerajaan mengwujudkan hubungan yang berkesan sebagai satu pasukan dari setiap peringkat. Selain itu beliau mengingatkan supaya ditingkatkan keupayaan pentadbiran, perancangan dan pelaksanaan dan juga diadakan penilaian yang mendalam dan kerap oleh unit-unit perancangan dan pembangunan di Kementerian, Jabatan wilayah atau pun negeri.

Dan, dari pengalaman-pengalaman masa lepas, kini satu perkataan yang sudah menjadi keramat ialah "maklumat balas". Memberi pertimbangan kepada pandangan, pendapat dan keperluan rakyat yang didapati melalui maklumat balas itu adalah jaminan paling kuat untuk memastikan sesuatu program benar-benar memberi manfaat seperti yang dirancangkan. Kita percaya, setelah beberapa kehampaan, inilah yang akan berlaku nanti.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia